



**BAHAGIAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN
ARAS 2, GALERIA PUTRAJAYA, NO. 29, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62570 PUTRAJAYA.
TEL: 03-8894 3000 FAKS: 03-8894 3150 / 3151**

FACTSHEET

PERSIDANGAN TAHUNAN PENGAIRAN DAN SALIRAN KALI KE-23 ATAU 23rd MALAYSIAN NATIONAL COMMITTEE ON IRRIGATION AND DRAINAGE CONFERENCE (23rd MANCO)

1. LATAR BELAKANG

Persidangan ini (23rd MANCO) merupakan acara tahunan yang dianjurkan bersama oleh Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dengan kerjasama *Malaysian National Committee on Irrigation and Drainage* (MANCID).

MANCID atau Persatuan Kebangsaan bagi Pengairan dan Saliran Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1958 dan merupakan sebuah NGO peneraju dari segi teknikal dan saintifik di dalam bidang pengairan dan saliran di bawah naungan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA).

MANCID juga terlibat secara aktif di dalam aktiviti-aktiviti *technology transfer* di dalam negara dan di rantau Asia melalui badan antarabangsa iaitu *International Commission on Irrigation & Drainage* (ICID) yang berpangkalan di New Delhi, India.

Persidangan Tahunan Pengairan dan Saliran ini merupakan acara tahunan yang menghimpunkan para professional seperti jurutera, perunding dan pemain-pemain industri pertanian yang lain. Selain itu, turut terlibat secara langsung di dalam persidangan ini adalah cendekiawan / ahli akademik dan penyelidik yang terlibat dalam bidang pengairan dan saliran khususnya dan sektor pertanian amnya.

2. TEMA PERSIDANGAN

Tema persidangan pada tahun ini ialah “***Development for Water, Food And Nutrition Security in the Competitive Environment***” sejajar dengan tema *3rd World Irrigation Forum* yang akan diadakan pada 1 hingga 7 September 2019 di Bali, Indonesia. Pembentang-pembentang yang terlibat dalam persidangan pada kali ini terdiri daripada pembentang dari dalam dan luar negara. Mereka akan membincangkan topik-topik mengikut sub-tema berikut:

Sub-theme 1: Enabling Policy Environment for Water, Food and Energy Security;

- *Sustainable water resources management policy;*
- *Sustainable development of small and large scale irrigation system;*
- *Improvement of irrigation water productivity policy.*

Sub-theme 2: Role of Civil Society And Non-State Actors With Focus on Farmers And Extension Facilities;

- *Performance of public irrigation extension services in strengthening the irrigation management institutions;*
- *The potential roles of non-government organizations, including private sector (NGOs) and civil societies in irrigated agriculture extension and advisory services;*
- *Promoting public-private-partnership and participation of WUA in the irrigation development and management for irrigation sustainability.*

Sub-theme 3: Improving Agricultural Water Productivity with Focus on Rural Transformation;

- *Utilizing Information Communication Technology (ICT) and innovations for improving water productivity and maximizing agriculture production;*
- *Optimizing value of water through integrated farming and market driven agriculture;*
- *Financial scheme and access development for improving agricultural water productivity in alleviating poverty in rural areas.*

Topik-topik ini sangat relevan untuk dibincangkan sejajar dengan misi Kementerian untuk memodenkan pengeluaran agromakanan demi memperkukuhkan keselamatan makanan negara.

3. OBJEKTIF PERSIDANGAN

- Berkongsi pengetahuan, pengalaman dan hasil kajian terutama dalam bidang pengairan dan saliran pertanian bagi menghadapi cabaran perubahan iklim dan persekitaran yang ekstrem.
- Menyediakan peluang bagi mencari pendekatan baru yang lebih kreatif dan inovatif dalam konteks kejuruteraan dan pengurusan untuk membantu para petani mengaplikasikan kaedah dan teknologi baru bagi kelangsungan sektor agromakanan negara.
- Menyediakan platform bagi menghasilkan idea yang dapat menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran pertanian bagi menjamin keselamatan makanan negara.

4. DNA PERSIDANGAN

- Tarikh Persidangan : 6-8 Julai 2019
Bilangan Peserta : 150 orang
- Latar Belakang Peserta : Jurutera Awam/Pengairan, Jurutera Pertanian, Perunding, Ahli Akademik, Penyelidik, Pembekal, Kontraktor, NGO.
- Bilangan Kertas Kerja : 8 kertas kerja
- Pembentang Dalam Negara : 6 orang
- Pembentang Luar Negara : 1 – Filipina, 1 – Taiwan
- Bilangan Pempamer : 18 *booth*
- Perasmian oleh : Yang Berhormat Dato' Salahuddin Ayub
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

5. MAKLUMAT PERUBAHAN IKLIM

Dunia kini menghadapi perubahan iklim yang memberi kesan langsung dan cabaran yang besar kepada sektor pertanian. Kesiapan siagaan dalam menghadapi perubahan-perubahan ini amat penting kerana perubahan iklim bukan sahaja akan memberi impak kepada pengeluaran makanan negara, tetapi juga kepada kesejahteraan hidup rakyat. Perubahan iklim ini boleh menyebabkan kejadian banjir dan kemarau yang luar biasa yang tidak dapat dielakkan. Justeru itu kita haruslah mencari kaedah dan juga menyediakan perancangan yang rapi untuk mengatasinya.

Alternatif baru terhadap penggunaan sumber air sedia ada perlu difikirkan agar sumber yang ada dapat dioptimumkan dan digunakan secara efektif bagi memenuhi keperluan pertanian dan domestik. Pertanian merupakan pengguna air terbesar dan ini memerlukan kreativiti dan inovasi terhadap ilmu, teknologi, polisi dan pengurusan pengairan pertanian sediaada.

6. INISIATIF KERAJAAN

Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

- a. Memodenkan infrastruktur pengairan dan saluran pertanian yang meliputi pemantapan pengurusan skim-skim pengairan dan pembaharuan institusi;

- b. Memulihkan infrastruktur pengairan tanaman padi diseluruh negara secara berterusan;
- c. Memberi keutamaan kepada penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saluran kerana tanpa penyelenggaraan yang sempurna boleh menyebabkan kemerosotan kepada kecekapan sistem pengairan;
- d. Meningkatkan kecekapan penggunaan dan penjimatan air di kawasan pengairan melalui kaedah berikut:
 - i. Mengitar semula air saluran untuk kegunaan pengairan;
 - ii. Melaksanakan program otomasi dalam pengurusan air pengairan dan pengurusan air bawah tanah secara tepat;
 - iii. Memperluaskan sistem pemantauan secara *real time* di dalam mengurus agihan air di skim pengairan; dan
 - iv. Memperkasakan Kumpulan Pengguna Air (KPA) melalui bimbingan dan latihan secara berterusan supaya KPA ini berupaya mengurus air di peringkat tersier / ladang yang akan menyumbang kepada mengurangkan penggunaan air.

7. HALA TUJU KEMENTERIAN

Dokumen Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri asas Tani yang telah dilancarkan , mengandungi 5 Hala Tuju. Lima Hala Tuju ini akan dicapai melalui pelaksanaan 18 strategi dan 51 inisiatif. Hala tuju yang relevan dengan tema persidangan MANCO ke 23 ini adalah:

Hala Tuju Pertama: Memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan.

Hala Tuju Ketiga: Menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.

Hala Tuju Keempat: Menambahbaik ekosistem industry pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan

8. KESIMPULAN

Persidangan MANCO ke 23 ini sangat relevan untuk sektor agromakanan negara selaras dengan perancangan dan hala tuju Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Selain itu, ia juga menyediakan platform kepada profesional dan pemain-pemain industri bagi menghasilkan idea yang dapat menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran pertanian dan seterusnya menjamin keselamatan makanan negara.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Seksyen Korporat dan Dasar, Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian: **03-8894 3000/3028**